

Perdagangan "sesuka hati" boleh jejakkan pertumbuhan ekonomi — Dr. Mahathir

UM 2 - JUN 1981

KUALA LUMPUR, 1 Jun — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan bahawa pembebasan perdagangan "sesuka hati" di kalangan negara-negara ASEAN mungkin boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi.

Katanya, pembebasan perdagangan harus dilakukan dengan teliti kerana negara-negara ASEAN masing-masing mempunyai ciri-ciri yang berbeza dari segi memesatkan pertumbuhan ekonomi, tarif perdagangan dan lain-lain.

"Ada negara ASEAN yang mengenakan tarif yang boleh menghalang perdagangan. Oleh itu, untuk menyeragamkan tarif perdagangan di kalangan negara-negara ASEAN dalam masa yang singkat adalah hampir mustahil," kata Timbalan Perdana Menteri ketika berucap di majlis makan tengah hari Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia Antarabangsa (MICCI) di sebuah hotel di sini.

Selain itu, tambah beliau, persaingan di antara pengusaha-pengusaha pembuatan ASEAN masih diragui kerana "penyeludupan adalah berleluasa di antara negara-negara itu dan terdapat kecondongan mereka merahsiakan perangkaan tentang perdagangan bagi men-

jaga kepentingan negara."

Sambil menyedari ke-lambatan dalam usaha untuk membuka pasaran ASEAN, Datuk Sri Dr. Mahathir bagaimanapun meminta mereka yang berminat berniaga dalam pasaran yang mempunyai 250 juta orang penduduk itu supaya memahami berbagai halangan ke arah proses itu.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menegaskan lagi, pasaran yang lebih luas adalah baik bagi para pedagang tetapi ini tidak bermaksud ia menguntungkan mereka.

"Tetapi kuasa pembeli sesebuah negara itu lebih mustahak lagi. Ambil Malaysia misalnya, jumlah penduduknya hanyalah 14 juta orang berbanding dengan 140 juta penduduk Indonesia.

"Bagaimanapun, jumlah kereta yang dijual di Indonesia adalah hampir sama dengan jumlah yang dijual di sini," katanya.

Beliau berkata, pasaran di Malaysia, sudah mempunyai tanda-tanda untuk bertumbuh dengan lebih pesat lagi daripada negara-negara ASEAN lain dalam, tahun-tahun akan datang.

Oleh kerana perkembangan begitu, beliau

berharap kalangan pedagang menimbang-cadangan untuk membebaskan perdagangan negara-negara ASEAN secara berhati-hati.

Untuk menyelesaikan masalah ekonomi pula, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa dasar perlindungan adalah tidak mencukupi.

Beliau menarik perhatian, langkah yang paling berkesan untuk memerangi masalah itu ialah peningkatan daya pengeluaran dan kemahiran pemasaran.

Di samping itu saiz

pasaran adalah faktor yang menggalakkan perniagaan dan bukan dasar perlindungan perdagangan.

Beliau menekankan, dasar perlindungan harus dilaksanakan dengan wajar dan mempunyai hadnya.

"Ketika negara mula mengalami keadaan yang mempunyai pekerjaan yang mencukupi bagi penduduknya, maka dasar itu harus dikaji semula untuk keadilan kepada para pembeli dan pekerja-pekerja yang memberi sumbangan tenaga.